



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

KEBENARAN DI BAWAH AKTA FRANCAIS 1998

PENDAFTARAN FRANCAISOR

PADA menurut kuasa-kuasa yang diwakilkan oleh Perdana Menteri dan mengikut peruntukan-peruntukan Seksyen 8(4), 9 dan 6 Akta Francais 1998

Kebenaran adalah dengan ini diberi kepada **Mee Hiris China Muslim Sdn Bhd** yang beralamat di
**No: 58, Jalan 5/KU6, Kawasan Perindustrian Sungai Puloh,
 42100, Klang,
 Selangor, MALAYSIA.**

bagi maksud menjalankan perniagaan serta membuat tawaran menjual francais **Mee Hiris China Muslim**
 mulai tarikh **01 September 2023** sehingga **31 Ogos 2028** tertakluk kepada syarat-syarat yang dilampirkan bersama.

01 September 2023

Bertarikh

**YBhg. Datuk Azman Bin
 Mohd Yusof**

Pendaftar



SYARAT-SYARAT DAN PEMATUHAN FRANCAIS
(FRANCAISOR)

Saya(Nama Individu yang berkenaan)..... selaku(Jawalan)..... wakil kepada syarikat(Nama Syarikat)..... No Pendaftaran Syarikat dengan ini memperakui bahawa saya faham dan bersetuju dengan syarat-syarat seperti berikut:

1. Kelulusan pendaftaran ini **tidak boleh dipindah milik** tanpa kebenaran daripada KPDN.
2. Kelulusan ini **dipamerkan** jelas di premis perniagaan.
3. Mendapat kelulusan Pendaftar sebelum membuat **sebarang pindaan** pada Dokumen Penzahiran, Perjanjian Francais, Manual Operasi dan Manual Latihan.
4. **Mematuhi syarat amalan wajib** iaitu francaisor hendaklah mengemukakan perjanjian francais dan dokumen penzahiran termasuk pindaan kepada francaisi **sekurang-kurangnya 10 hari** sebelum perjanjian ditandatangani seperti peruntukan di bawah Seksyen 15 dan menghantar **Laporan Tahunan Perniagaan Francais (LTPF)** seperti peruntukan di bawah Seksyen 16.
5. **Mendaftarkan francaisi** kepada Pendaftar melalui Sistem MyFEX 2.0 yang ditetapkan dalam **tempoh 14 hari** dari tarikh menandatangani perjanjian antara francaisor dengan francaisi.
6. Menghantar **Laporan Tahunan Perniagaan Francais (LTPF)** dan **Kumpulan Wang Promosi** (jika berkaitan) seperti peruntukan di bawah Seksyen 16 dan Seksyen 22.
7. Seseorang yang berhubung dengan tawaran untuk menjual sesuatu francais adalah dilarang terlibat dengan perbuatan penipuan, mengelirukan dan memperdayakan secara langsung atau tidak langsung.
8. Francaisor hendaklah memohon permohonan **pembaharuan pendaftaran francais** kepada Pendaftar Francais dalam **tempoh 30 hari** sebelum tarikh pendaftaran tamat.
9. Mengemukakan dengan lengkap dan tepat apa-apa maklumat/ penjelasan yang diminta oleh KPDN.
10. Tidak akan mengambil tindakan undang-undang atau menuntut ganti rugi dari mana-mana pihak seperti peruntukan di bawah **Seksyen 59 Akta Francais 1998**.

PERINGATAN:

Pelanggaran syarat-syarat di atas adalah merupakan kesalahan di bawah peruntukan-peruntukan di dalam Akta Francais 1998 yang berkuat kuasa. Syarikat boleh dikenakan tindakan sewajarnya termasuk **pembatalan pendaftaran francais**.